

EKONOMI KAUM LAIN TIDAK DILUPAKAN - PM

BT 29 NOV 1982

PULAU PINANG, 28 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan hari ini kerajaan tidak langsung bermaksud membelakangkan ekonomi kaum-kaum lain sekalipun ia secara terbuka menjalakan berbagai usaha membantu memajukan ekonomi bumiputera di negara ini.

Perdana Menteri berkata langkah itu bukan

lah semata-mata satu usaha untuk memperkayakan bumiputera tetapi ia adalah satu peranan yang perlu mengseimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum di negara ini.

Ini, tambah beliau, kerana kerajaan terus menghayati tujuan di sebalik penggubalan Dasar Ekonomi Baru bahawa perasaan irihati antara kaum tidak akan luput selagi kedudukan eko-

nomi antara mereka tidak seimbang.

"Perasaan irihati yang tidak sihat inilah yang akan dapat mencetuskan berbagai masalah seperti pergaduhan kaum yang pernah berlaku pada tahun 1969 dulu, katanya ketika berucap merasmikan bangunan 11 tingkat Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Cawangan Pulau Pinang di sini hari ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan jika

kerajaan tidak begitu memberi bantuan kepada kaum-kaum lain ini semata-mata kerana mereka sudah matang dan mahir dalam selok-belok perniagaan.

"Tetapi ini tidaklah bermakna kerajaan membelakangkan ekonomi kaum-kaum lain," ujarnya.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri kerajaan sentiasa menyedari hakikat bahawa bumiputera baru sahaja mencebur-

kan diri dalam bidang ini di mana pengetahuan mereka tidak begitu mencukupi untuk menentukan kejayaan mereka.

Serentak dengan itu, di samping usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan beliau berharap pihak Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu sama ada di peringkat pusat atau cawangan-cawangan negerinya memainkan peranan dalam usaha mencapai matlamat yang diharap-

kan.

Menurutnya dewan itu dapat menjalankan berbagai usaha seperti mengumpulkan pendapat di kalangan peniaga bumiputera, mengangjurkan kursus, memberi panduan, tunjuk ajar berniaga, mencari peluang perniagaan dan sebagainya.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri menasihatkan supaya dewan itu bertindak di luar matlamat asalnya seperti menubuhkan syarikat-syarikatnya sendiri.

Katanya, jika perkara seumpama ini berlaku ia mungkin akan menguntungkan segolongan ahli-ahli jawatankuasa serta membangkitkan berbagai tuduhan yang tidak sihat dan tidak memberi faedah kepada semua ahli serta perniagaan bumiputera.

Beliau berkata dewan-dewan perniagaan hanya boleh menganjurkan penubuhan syarikat-syarikat tetapi tidak diletakkan secara langsung dalam organisasinya.

Menyentuh tentang cadangan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Cawangan Pulau Pinang hendak mengadakan satu tabung amanah untuk menghantar anak-anak bumiputera mempelajari kemahiran dalam bidang pembuatan, Perdana Menteri berkata ia tidak menguntungkan jika mereka tidak diberi latihan dalam bidang pengurusan juga.

Katanya, kerana kemahiran dalam bidang pengurusanlah yang akan dapat menentukan "hidup mati" sesuatu perniagaan sekalipun

mereka mempunyai apa jua kemahiran dalam bidang pembuatan.

"Jadi kalau kita hendak melatih sahaja mereka cara hendak membuat sesuatu tetapi tidak melatih cara berniaga ia belum dapat memberi jaminan mereka akan berjaya."

Oleh itu, beliau berharap pihak dewan-dewan perniagaan bumiputera dan pihak-pihak berkenaan akan memberi perhatian yang berat dalam aspek ini agar matlamat yang diharapkan dapat dicapai.

Menyentuh tentang bangunan Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Pulau Pinang yang dirasmikannya itu beliau berharap ia tidak sahaja menjadi lambang yang hanya untuk dimegahkan oleh bumiputera di negeri ini sahaja.

Tetapi katanya

bangunan itu hendaklah menjadi satu pusat yang benar-benar dapat memberi sumbangan dalam memajukan bumiputera negeri ini dalam bidang ekonomi.

Beliau juga mensifatkan usaha dewan itu membina bangunan bernilai \$9 juta di kawasan yang strategik di Pulau Pinang itu sebagai satu kejayaan cemerlang yang wajar dicontohi oleh dewan-dewan perniagaan bumiputera negeri-negeri lain.

Perdana Menteri berkata dengan ada bangunan yang tersergam indah seperti ini ia akan lebih meyakinkan lagi peniaga-peniaga lain sama ada dari dalam dan luar negeri mengadakan usahasama dengan mereka.